

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92**

**Mac/April, 1992**

**ATP204 - PENGURUSAN PENGELUARAN**

**Masa: [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan 1 dan 2 adalah WAJIB dan jawab TIGA soalan yang lain.

**SOALAN-SOALAN (WAJIB)**

1. Dengan merujuk pada tayangan video bertajuk "Production management in practice", jelaskan perkara-perkara yang perlu diketahui oleh seseorang pengurus pengeluaran.

[20 markah]

...2/-

ATP204

2. Berdasarkan data di bawah, bentuk jadual rancangan keperluan bahan bagi setiap produk dan komponen.

Data file:soal2fin Material Requirements Planning Data Screen  
Number of BOM lines (1-37) 14 Number of demand periods (1-18) 9

Soalan 2

Item	Lvl	ldtm	#per	nhnd	Lot	pd1	pd2	pd3	pd4	pd5	pd6	pd7	pd8	pd9
0001	0	1	1	8	0	0	0	0	0	0	0	90	0	120
1001	1	1	2	7	0	0	0	4	0	0	0	0	0	0
2001	2	1	2	42	0	0	0	0	0	5	0	0	4	0
3001	3	1	3	9	0	0	0	7	0	0	0	3	0	0
4001	4	1	2	51	0	0	53	0	0	0	71	0	0	0
5001	5	1	1	11	0	0	0	301	0	0	0	219	0	0
3002	3	2	3	8	20	0	0	0	40	0	0	0	0	0
2002	2	3	1	5	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0
1002	1	1	1	2	0	0	0	0	0	6	0	0	0	0
2003	2	3	2	4	30	0	0	0	0	0	0	30	0	0
2004	2	1	1	5	0	0	0	2	0	2	0	0	0	0
3003	3	1	1	9	0	0	5	0	0	0	0	8	0	0
4002	4	2	3	13	30	0	0	0	0	0	0	0	30	0
3004	3	2	2	14	0	0	0	7	0	0	0	0	0	9

[20 markah]

Pilih dan jawab **TIGA** soalan.

3. (a) (i) Apakah pandangan pengusaha Jepun terhadap inventori?  
(ii). Mengapakah mereka berpandangan sedemikian?

...3/-

ATP204

- (iii) Bagaimana mereka bertindak ke atas inventori mereka? (Anda perlu nyatakan cara tindakan mereka).
- (iv) Bagaimana pula pandangan kebanyakan pengusaha Malaysia terhadap inventori?

[10 markah]

- (b) Sebuah syarikat mendapat tawaran harga yang sedemikian.

<u>Kuantiti</u>	<u>Harga</u>
1 - 250	\$13.00
251 - 500	\$12.40
501 ke atas	\$12.20

Kos menyimpan adalah 15 peratus dari harga belian dan kos memesan adalah \$25 setiap pesanan. Berapakah kuantiti pesanan optimumnya jika keperluan tahunan adalah 1,500 unit.

[10 markah]

4. (a) Jelaskan perkara-perkara berikut:

- (i) Perancangan agregat.
- (ii) Penjadualan Induk Pengeluaran.
- (iii) Perancangan Keperluan Bahan (PKB).
- (iv) Perancangan Keperluan Keupayaan (PKK).
- (v) Input dan output PKB.

[10 markah]

...4/-

- (b) Syarikat Mahsa bercadang mendirikan sebuah lagi pusat pengagihan sebagai tambahan pada 2 buah pusat pengagihan yang telah sedia ada. Pusat Pengagihan baru ini mungkin dibina di bandar Y atau di bandar H. Kos pengangkutan dari kilang ke pusat pengagihan yang sedia ada dan yang akan ditambah adalah seperti di bawah. Keperluan di pusat pengagihan 1 ialah 6,000 unit sebulan, di pusat pengagihan 2 ialah 9,000 unit sebulan dan pusat pengagihan yang baru memerlukan 9,000 unit sebulan. Ketiga-tiga kilang boleh menghasilkan 8,000 unit sebulan. Dengan menggunakan kaedah barat-laut dan batu loncatan tentukan di bandar manakah pusat pengagihan yang baru tersebut patut didirikan. Kenapa?

Kos pengangkutan dari kilang ke pusat pengagihan (dalam ringgit seunit).

Dari \ Ke	Pusat Pengagihan 3 jika			
	Pusat Pengagihan 1	Pusat Pengagihan 2	di Bandar Y	di Bandar H
Kilang 1	3	8	3	6
Kilang 2	6	3	5	6
Kilang 3	9	5	7	5

[10 markah]





5. (a) (i) Nyatakan perbezaan antara pengayaan kerja, perluasan kerja, pusingan kerja, spesifikasi kerja dan kaedah masa kerja berubah.
- (ii) Apakah yang dapat dinyatakan oleh Hierarki Keperluan Maslow dan Teori Dua Faktor Herzberg mengenai rekabentuk kerja.

[10 markah]

...5/-

(b) Sebuah kilang menghasilkan berpuluh-puluh jenis produk yang berbeza. Baru-baru ini kilang ini telah menerima satu tempahan bagi menghasilkan satu produk yang dikenali sebagai "D'SAAM" dalam volum yang cukup tinggi. Proses penghasilan produk ini adalah melalui turutan operasi pemusingan (turning), pemotongan permukaan (milling), penebukan (drilling) dan pelicinan (grinding). Setiap unit yang dihasilkan akan mengambil masa 20 peratus bagi kerja pemusingan, 40 peratus pemotongan permukaan, 10 peratus penebukan dan 30 peratus pelicinan.

Syarikat ini memiliki mesin-mesin seperti berikut:

Jenis mesin	Bilangan	Simbol yang diguna dalam s/atur
Pemusing	7	
Pemotong permukaan	8	
Penebuk	3	
Pelicin	4	

Dengan menggunakan simbol-simbol di atas, dapatkan satu susunatur yang anda rasakan paling sesuai untuk penghasilan produk "D'SAAM". Jelaskan mengapa anda memilih susunatur tersebut. (Perhatian: Cuba kurangkan masa terbiar bagi setiap mesin dalam susunatur yang anda pilih. Sebahagian dari mesin yang tertera di atas perlu diperuntukkan untuk penghasilan produk lain).


[10 markah]

...6/-

6. (a) (i) Alat pengendalian bahan boleh dibahagikan ke dalam 5 kategori. Nyatakan dan bagi setiap kategori berikan kebaikan dan keburukannya.
- (ii) Bincangkan susunatur kedudukan tetap. Nyatakan kebaikan dan keburukannya.
- (iii) Senaraikan beberapa faktor yang boleh mempengaruhi susunatur.

[10 markah]

- (b) Berdasarkan data di bawah, tentukan kedudukan ke empat-empat jabatan tersebut jika pelan lantainya berbentuk sedemikian.



Purata jumlah perjalanan antara jabatan sebulan:

Dari \ Ke	A	B	C	D
A	0	110	200	160
B	90	0	90	100
C	170	90	0	80
D	120	130	60	0

Kos pergerakan bagi setiap seratus kaki (dalam ringgit).

Dari \ Ke	A	B	C	D
A	0	0.10	0.10	0.16
B	0.12	0	0.08	0.14
C	0.16	0.08	0	0.02
D	0.14	0.12	0.04	0

[10 markah]

---ooo000ooo---